



Ruj. Kami : JPNS.SPPK.KOKU.900-4/26( )

Tarikh : 13 Mei 2016

Ketua Pegawai Pendidikan Daerah  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
**u.p. Pen. PPD Koakademik (Menengah) /  
Penyelia Kokurikulum Daerah**

**Pengetua**

Sekolah Sekolah Menengah  
Negeri Sembilan.

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI BENGKEL FOTOGRAFI 'ZERO TO PRO'  
SEMPENA PROGRAM N9 PHOTO-HUNT "WARISAN KITO"**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan ianya berkaitan dengan surat  
TOURISM.NS.600.1/4/1 bertarikh 11 Mei 2016.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Tourism Malaysia Negeri Sembilan dengan kerjasama Angkatan Senifoto Negeri Sembilan (ASFON) akan mengadakan program Bengkel Fotografi 'Zero To Pro' Sempena Program N9 Photo-Hunt "Warisan Kito" pada ketetapan berikut:

**Tarikh : 4 Jun 2016**

**Tempat : The Grand Beach Resort, Port Dickson.**

3. Sehubungan itu, jabatan ini **tiada halangan dan sangat menggalakkan** penyertaan pelajar seluruh Negeri Sembilan dalam program yang dinyatakan bagi meningkatkan minat pelajar kepada seni pelancongan fotografi disamping menjadi aktiviti kokurikulum tambahan kepada kelab Seni Foto Sekolah. Berkaitan itu, kerjasama Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dipohon agar dapat kiranya menghebahkan program ini kepada seluruh warga sekolah.

4. Sehubungan itu juga, untuk makluman Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, penyertaan dihadkan kepada **10 orang** peserta sahaja bagi setiap sekolah. Modul program akan dibentangkan oleh Pakar Fotografi dari *Art of Nature* dan butirannya seperti berikut:

13 Mei 2016

---

- i. **Fotografi – Sejarah & Evolusi**  
(En. Nu'man Hadi bin Abdul Hamid)
- ii. **Teknik Fotografi - Moden & Kreatif**  
(En. Muhd Fuad bin Abdul Rahim)
- iii. **Teknik Menyunting Fotografi 'Adope Photoshop'**  
(En Mohamad Zaki bin Mokhtar)

5. Para pelajar yang berminat adalah digalakkan membawa bersama **kamera DSLR** dan **laptop** yang juga digalakkan mempunyai perisian '**Adope Photoshop**'. **TIADA BAYARAN PENYERTAAN** akan dikenakan kepada para pelajar. Bersama-sama ini dilampirkan poster dan borang penyertaan untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan selanjutnya. **Tarikh akhir menghantar Borang Penyertaan** ialah pada **27 Mei 2016** dan borang penyertaan perlu dikembalikan ke Pejabat Tourism Malaysia Negeri Sembilan melalui talian faksimili **06 7638428** atau emelkan ke [farahizedah@tourism.gov.my](mailto:farahizedah@tourism.gov.my) . Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh menghubungi **Pn Farah Izedah di talian 012-3743822** atau **Cik kamala di talian 06-7624488** atau En Tuah bin Ab. Manaf, Penolong Pengarah Kokurikulum JPNS di talian 016-6651350 / [tuah.manaf@moe.gov.my](mailto:tuah.manaf@moe.gov.my) .

Segala perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah



**(HAJI AMIR SHARIFUDDIN BIN AHMAD)**  
Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan  
b.p. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

s.k.

- i. Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan

UKK\_Tuah 2016